



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Tahap Penguasaan Tulisan Jawi: Tinjauan Terhadap Golongan Muda, Pertengahan dan Warga Emas

Noorain Syahirah Mohd Pazli¹, Aminnudin Saimon^{1*}

¹Kulliyyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*E-mel pengarang koresponden: deanamin@iium.edu.my

ABSTRAK

Sejajar dengan peredaran zaman ke arah pemodenan, tulisan Jawi turut terpalit dengan isu-isu hangat yang mempersoalkan fungsi tulisan tersebut. Namun begitu, di sebalik kehangatan isu ini, realiti menyedihkan berkenaan tulisan Jawi adalah penggunaan dan pengaplikasian tulisan tersebut yang semakin dilupakan ekoran daripada penggunaan tulisan Rumi kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penguasaan Jawi oleh golongan muda, pertengahan dan warga emas. Seramai 40 orang responden terlibat dalam kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif secara deskriptif dan tinjauan. Pemerolehan data bagi kajian ini adalah melalui borang soal selidik dan temu bual secara berstruktur. Penganalisisan data dijalankan dengan menggunakan IBM SPSS 21 bagi mempersembahkan kajian dalam bentuk min dan peratus. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan Jawi bagi ketiga-tiga golongan adalah tinggi berdasarkan tahap nilai skor min. Faktor minat mendominasi dengan purata min keseluruhan bagi faktor minat yang tertinggi dengan skor 4.45 oleh responden warga emas. Selain itu, faktor agama dan identiti menjadi faktor baharu yang turut mempengaruhi tahap penguasaan Jawi.

Kata kunci: Jawi, tahap, penguasaan, muda, warga emas, pertengahan

PENGENALAN

Berdasarkan sejarah di Kepulauan Melayu, tulisan Jawi merupakan sejenis tulisan yang telah dipraktikkan oleh kaum Melayu sejak dari zaman dahulu. Istilah jawi digunakan oleh kaum Melayu bagi merujuk kepada tulisan Arab. Namun begitu, istilah Jawi yang sebenar merujuk pada gelaran yang diberikan kepada seluruh bangsa di Kepulauan Melayu yang menggunakan bahasa yang dipanggil sebagai

Jawi dan tulisan yang digunakan digelar sebagai tulisan Jawi. Perkataan Jawi ini juga terdiri daripada maksud yang berbeza. Hal ini dapat dilihat daripada kajian oleh Abd Jalil Borham pada tahun 2012 yang memetik kenyataan Amat Juhari (1996) yang merujuk kata adjektif bahasa Arab iaitu 'Jawah' ditukar kepada kata adjektif bahasa Melayu menjadi Jawi.

Selain itu, tulisan Jawi merupakan antara tulisan yang terawal wujud di Tanah Melayu, iaitu sekitar tahun 1300 Masihi (Penulis, 2017) merujuk daripada buku 'Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Terengganu' pada tahun 2017. Berdasarkan kajian awal yang telah dilakukan oleh para pentadbir dan pegawai Inggeris serta Belanda, kemunculan tulisan ini di Alam Melayu dapat dikaitkan dengan ketibaan Islam dari negara-negara Arab seperti Parsi yang rancak menjalankan aktiviti perdagangan di perairan Melayu pada ketika itu. Buktinya, Marsden dalam bukunya *A grammar of the Malayan Language* (1812) menjadi tokoh terawal yang menemui, mengkaji dan meyakini bahawa sistem ejaan Jawi yang diperkenalkan pada ketika itu telah dibawa masuk oleh orang-orang Arab. Buku Marsden telah membincangkan huruf-huruf abjad yang terdapat dalam ejaan Jawi serta tanda-tanda baris yang digunakan dalam sistem ejaan itu. Sebenarnya, tulisan Jawi sedikit berbeza jika dibandingkan dengan jenis tulisan yang lain. Hal ini kerana, tulisan Jawi ditulis bermula dari bahagian kiri ke kanan. Proses pengubahsuaian juga berlaku kepada tulisan ini dengan tujuan untuk disesuaikan dengan penggunaan bahasa Melayu. Pada asalnya, tulisan Jawi yang dibawa masuk dari Arab terdiri daripada 29 huruf atau abjad. Namun begitu, jumlah 29 huruf jawi asli tidak dapat disesuaikan dengan bahasa Melayu secara tepat. Justeru itu, sebanyak 6 huruf baharu telah ditambah ke dalam kumpulan huruf jawi tersebut, iaitu huruf چ (cha), ف (pa), گ (ga), غ (nga), ن (nya) dan و (va). Usaha tersebut dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui penerbitan buku *Daftar Ejaan Rumi* dengan menggunakan kaedah buku *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* (1989). Tulisan Jawi yang telah mengalami proses penambahan huruf ini bersesuaian dengan istilah jawi terkini iaitu huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Fatimah Rajak (2016), pembelajaran tulisan Jawi di Malaysia juga berkembang dengan pesat sejak tahun 1957. Sejak itu, tulisan Jawi sentiasa diubah dan ditambah baik bagi memastikan tulisan tersebut sesuai dengan penggunaan semasa. Kendatipun kedudukan tulisan Jawi sedikit goyah ketika reformasi pendidikan berlaku, tulisan ini tidak diabaikan apabila menjadi sebahagian daripada subjek Bahasa Melayu pada tahun 1972 yang kemudian diubah menjadi topik dalam subjek Pendidikan Islam pada tahun 1983. Perkembangan dan kedudukan tulisan Jawi ini terus dijaga dengan rapi bagi memastikan penggunaan tulisan ini sentiasa relevan. Buktinya, pelajaran Jawi ini telah diberi nafas baharu oleh Perdana Menteri ke-5 Malaysia, iaitu pada

era pemerintahan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mula memperkenalkan program j-Qaf di sekolah-sekolah rendah (Safarina Ujang dan Norshidah Mohamad Saleh, 2018). Sungguhpun begitu, penerapan subjek Jawi ini tidak lagi dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah menyebabkan golongan muda dan remaja mula lupa akan tulisan ini.

Sejajar dengan peredaran zaman ke arah pemodenan, tulisan Jawi turut terpalit dengan isu-isu hangat yang mempersoalkan fungsi tulisan tersebut di sekolah. Misalnya, isu berkenaan tulisan Jawi rancak berlegar di media apabila Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) menolak cadangan Bahasa Melayu diajar dalam bentuk tulisan jawi. Hal ini kerana, persatuan tersebut berpendapat bahawa subjek Bahasa Melayu yang dipelajari oleh semua lapisan kaum perlu mempunyai kepelbagaian dan tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja hingga tulisan juga perlu diubah (Sinar Harian, 2020). Namun begitu, di sebalik kehangatan isu ini, realiti menyedihkan berkenaan tulisan Jawi dapat dilihat berdasarkan penggunaan dan pengaplikasian tulisan tersebut yang semakin dilupakan ekoran daripada penggunaan tulisan Rumi kini. Sebenarnya, kedua-dua tulisan ini hanya berbeza dari segi penulisan, namun masih menghasilkan bunyi yang sama.

PERNYATAAN MASALAH

Pengaplikasian atau lebih tepat lagi penggunaan tulisan rumi yang menggantikan tulisan jawi sebagai tulisan rasmi menyebabkan kaedah penulisan jawi ini semakin dilupakan. Hal ini telah digambarkan oleh akhbar *online* Sinar Harian (2019) yang melaporkan tentang kebolehan dalam menulis dan membaca tulisan Jawi dalam kalangan generasi baharu kini semakin berkurang. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016) dalam kajian yang dilaksanakan para sarjana ini. Berdasarkan kajian ketiga-tiga sarjana tersebut, tahap penguasaan pelajar yang paling lemah dalam tulisan Jawi adalah dari aspek penulisan. Hal ini kerana, tulisan Jawi ini hanya terbatas dipelajari di dalam kelas dan ketika berada di sekolah sahaja. Kenyataan yang dibuat oleh para sarjana ini dapat dikukuhkan dengan dapatan kajian oleh Saiful Bahari Abdul Rahman dan Mazlan Ibrahim (2019) yang mendapati seramai 14 peratus murid memperoleh keputusan D atau gagal dalam tulisan Jawi. Berdasarkan pernyataan masalah di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa kedudukan tulisan Jawi terutama sekali dalam kalangan generasi muda masih lagi berada pada tahap lemah. Oleh itu, pengkaji telah menjadikan pernyataan masalah ini sebagai sebab utama kajian terhadap penguasaan tulisan Jawi dijalankan.

Pernyataan-pernyataan masalah yang telah dinyatakan di atas menjadi justifikasi untuk menjalankan kajian berkenaan tulisan jawi. Berdasarkan

penelitian terhadap masalah yang wujud, kajian ini dijalankan bagi menganalisis tahap penguasaan terhadap penulisan jawi oleh golongan muda, pertengahan dan warga emas. Hal ini kerana, kajian ini memberi keyakinan bahawa perbezaan kekerapan penggunaan tulisan jawi antara golongan-golongan ini mempengaruhi tahap penguasaan mereka. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini merangkumi dapatan kajian yang lebih meluas dan terperinci kerana melibatkan tiga golongan umur yang berbeza.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut kajian yang dijalankan oleh Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016), dalam Statistik Penguasaan Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama, sarjana telah lakukan tinjauan terhadap keupayaan penguasaan tulisan jawi serta punca kemerosotan penguasaan jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. Dalam hal ini, Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016) telah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data dalam kajian yang dijalankan. Pelaksanaan kajian ini melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada murid darjah 3 dari 10 buah sekolah agama yang berbeza. Kajian ini turut menggunakan pendekatan deskriptif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Borang ini diedarkan kepada responden dan dibacakan kepada mereka untuk dijawab selaras dengan pemahaman murid-murid tersebut. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik tersebut kemudiannya diukur kebolehpercayaan dengan menggunakan ujian *Alpha Cronbach*. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan tulisan jawi melalui pembacaan dan penulisan murid-murid tersebut berada pada tahap sederhana manakala kemerosotan penguasaan jawi pula didapati berpunca daripada aspek minat, ibu bapa dan persekitaran. Metodologi dan dapatan kajian para sarjana ini menjadi sandaran utama kajian yang dijalankan ini.

METODOLOGI

Kaedah kuantitatif secara deskriptif dan tinjauan diaplikasikan untuk mencapai objektif kajian melalui penggunaan kertas ujian dan borang soal selidik fizikal berasaskan kaedah ambil dan ubah suai dari kajian Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016). Kaedah persampelan tujuan (*purposive sampling*) digunakan dengan menyasarkan seramai 40 orang penduduk (21 lelaki dan 19 perempuan) di Jalan Suadamai 10 yang dibahagikan kepada tiga kelompok umur yang utama, iaitu golongan muda (15 hingga 30 tahun), pertengahan (31 hingga 64 tahun) dan warga emas (65 tahun ke atas). Golongan responden diberikan kertas ujian yang mengandungi petikan Jawi untuk dibaca dan petikan Jawi yang perlu disalin semula bagi mengenal pasti tahap

penguasaan responden. Kertas ujian yang telah dijawab oleh responden akan dinilai menggunakan soalan keupayaan berbentuk Skala Likert yang diadaptasi dari kajian Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016). Borang soalan keupayaan tersebut telah dibahagikan dengan sama rata, iaitu soalan 1 hingga 4 mewakili keupayaan dari segi bacaan manakala soalan 5 hingga 8 mewakili keupayaan dari segi tulisan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pembahagian Soalan Keupayaan Penguasaan Jawi

Bil	Tema	No. Item
1	Pembacaan	1,2,3,4
2	Penulisan	5,6,7,8

Perisian statistik *Statistical Package for The Social Science for Windowa Version 21.0 (SPSS)* digunakan bagi mendapatkan hasil analisis objektif kajian, iaitu tahap penguasaan ketiga-tiga golongan terhadap tulisan Jawi. Tahap penguasaan ketiga-tiga golongan responden ini diukur berdasarkan purata min keseluruhan yang mempunyai pemeringkatan tertentu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Pemeringkatan bagi Skala Likert

Nilai Skor Min	Tahap
3.68 – 5.00	Tinggi
2.34 – 2.67	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

(Sumber: Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad, 2016)

DAPATAN KAJIAN

Bab ini menerangkan keputusan analisis data berdasarkan tindak balas responden terhadap tahap penguasaan Jawi oleh golongan muda, pertengahan dan warga emas. Hasil dapatan ini dibentangkan dalam bentuk purata min dan huraian.

Tahap Penguasaan Tulisan Jawi oleh Golongan Muda, Pertengahan dan Warga Emas

Bahagian ini merupakan hasil analisis data kajian secara keseluruhan bagi objektif kajian, iaitu menganalisis tahap penguasaan terhadap tulisan Jawi oleh golongan muda, pertengahan dan warga emas. Tahap penguasaan tulisan Jawi dianalisis berasaskan dua tema utama, iaitu pembacaan dan penulisan. Berdasarkan analisis secara menyeluruh, warga emas memperoleh nilai purata min yang tertinggi dari segi bacaan dan tulisan berbanding golongan muda dan pertengahan. Dalam hal

ini, warga emas merupakan golongan penduduk yang berada dalam lingkungan umur 65 tahun dan ke atas.

Pembacaan

Purata min secara keseluruhan menunjukkan responden warga emas lebih menguasai bacaan Jawi berbanding responden golongan muda meskipun memperoleh tahap nilai skor min yang sama. Dalam hal ini, warga emas memperoleh nilai purata min sebanyak 3.98 berbanding golongan muda dan pertengahan yang memperoleh nilai purata min sebanyak 3.76 dan 3.46. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tahap penguasaan yang diperoleh daripada pembacaan

Penguasaan Bacaan Jawi (1,2,3 dan 4)	Min	Tahap Nilai Skor Min
Golongan Muda	3.76	Tinggi
Golongan Pertengahan	3.46	Sederhana
Warga Emas	3.98	Tinggi

Berdasarkan jadual 3, tahap penguasaan Jawi dari segi bacaan oleh golongan muda dan warga emas adalah tinggi berdasarkan tahap nilai skor min. Dalam hal ini, responden golongan muda memperoleh purata keseluruhan 3.76 manakala responden warga emas pula memperoleh purata min 3.98. Hal ini didorong oleh kemampuan responden golongan muda dan warga emas dalam membaca petikan Jawi dengan lancar dan menyebut 10 perkataan Jawi dalam tempoh kurang 10 saat seperti yang dikehendaki. Sungguhpun begitu, purata min secara keseluruhan ini menunjukkan responden warga emas lebih menguasai bacaan Jawi berbanding responden golongan muda meskipun memperoleh tahap nilai skor min yang sama. Hal ini dilihat berdasarkan purata min keseluruhan bagi kedua-dua golongan tersebut.

Penulisan

Purata min secara keseluruhan dari segi penulisan menunjukkan responden warga emas masih mempunyai tahap penguasaan yang paling tinggi berbanding golongan muda dan golongan pertengahan. Hal ini dapat dilihat apabila warga emas memperoleh nilai purata min yang paling tinggi, iaitu sebanyak 4.50 berbanding golongan muda dan pertengahan yang memperoleh nilai purata min yang sama iaitu sebanyak 4.37. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Tahap penguasaan yang diperoleh daripada penulisan

Penguasaan Tulisan Jawi (5,6,7 dan 8)	Min	Tahap Nilai Skor Min
Golongan Muda	4.37	Tinggi
Golongan Pertengahan	4.37	Tinggi
Warga Emas	4.50	Tinggi

Jadual 4 memaparkan tahap penguasaan yang diperoleh daripada penulisan secara keseluruhan. Berdasarkan analisis tersebut, tahap nilai skor min bagi responden golongan muda, pertengahan dan golongan warga emas adalah tinggi dengan purata min keseluruhan 4.37 bagi responden golongan muda dan pertengahan manakala responden warga emas pula memperoleh purata min 4.50. Dalam hal ini, responden golongan muda dan pertengahan memperoleh purata min keseluruhan yang sama iaitu 4.37. Hal ini disebabkan oleh kemampuan yang setara dimiliki oleh kedua-dua golongan dalam menulis perkataan Jawi yang disebut secara rawak. Hal ini berbeza dengan purata min keseluruhan responden warga emas yang nyata lebih tinggi berbanding kedua-dua golongan yang terdahulu. Hasil analisis menunjukkan tahap penguasaan dari segi penulisan ini didorong oleh faktor minat responden dalam membaca dan menulis tulisan Jawi dan kemampuan responden dalam menulis perkataan Jawi secara rawak yang diuji oleh pengkaji.

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan responden warga emas dari segi bacaan adalah lebih tinggi berbanding golongan muda dan pertengahan dengan nilai purata min 3.98. Berdasarkan hal tersebut, golongan ini dilihat dapat menyebut 10 perkataan Jawi dalam petikan dengan tempoh masa yang ditentukan. Hal ini didorong oleh kebiasaan golongan responden ini yang telah menggunakan bahasa tersebut sejak dari kecil lagi. Hal ini ditambah pula dengan buku-buku agama bertulisan Jawi yang masih menjadi pilihan utama responden warga emas untuk dibaca. Hal ini menjadikan kemampuan responden untuk membaca Jawi dengan lancar itu tidak dapat disangkal. Namun begitu, kajian mendapati golongan ini menghadapi kesukaran dalam membaca petikan 2 dalam borang soal selidik dengan penetapan masa 30 saat. Hal ini disebabkan oleh taraf kesihatan sesetengah responden warga emas yang tidak dapat membaca dalam tempoh yang lama akibat masalah penglihatan. Selain itu, responden daripada golongan muda memperoleh purata nilai min kedua tertinggi dari segi bacaan, iaitu 3.76. Dalam hal ini, majoriti responden dalam kalangan golongan muda didapati dapat membaca tulisan Jawi dengan yakin dan lancar. Keadaan ini didorong oleh jarak masa responden yang baru sahaja tamat persekolahan dan pendidikan menjadikan cara tulisan tersebut dibaca masih segar di minda responden daripada golongan muda. Persis responden warga emas, responden golongan muda turut menghadapi kesukaran untuk membaca petikan kedua dalam borang soal selidik dengan had masa 30 saat. Hal ini kerana, responden mengalami kekeliruan untuk menyebut

perkataan tersebut dengan bunyi yang betul. Responden golongan pertengahan pula memperoleh nilai purata min 3.91 dari segi bacaan. Seterusnya, golongan pertengahan dapat membaca petikan dengan lancar namun masih tidak dapat mencapai tempoh 30 saat bagi membaca petikan yang kedua sama seperti responden warga emas dan golongan muda. Hal ini disebabkan oleh penggunaan perkataan-perkataan baharu dan tidak biasa digunakan oleh responden dalam kehidupan seharian.

Dapatan kajian dari segi penulisan pula menunjukkan tahap penguasaan responden warga emas adalah paling tinggi dengan nilai purata min 4.50. Kajian mendapati golongan ini sangat tertarik dengan aktiviti menulis Jawi dalam borang soal selidik. Hal ini kerana, responden berpendapat bahawa warga emas rasa tercabar apabila diminta untuk menunjukkan kemahiran menulis Jawi dan terdapat juga respon Kata kunci: Jawi, tahap, penguasaan, muda, warga emas, dan yang menyatakan bahawa mereka seperti sedang mengambil peperiksaan semula. Reaksi daripada responden warga emas ini menunjukkan bahawa majoriti responden dapat menulis dan menyambung perkataan Jawi dengan lancar dan mempunyai minat untuk menulis semula tulisan Jawi tersebut. Namun begitu, terdapat responden warga emas yang perlu menulis semula petikan dengan melihat ke arah teks berulang kali disebabkan oleh kekeliruan terhadap baris ayat yang telah ditulis sebelum itu. Selain itu, responden golongan muda dan golongan pertengahan memperoleh nilai purata min yang sama, iaitu 4.37. Dalam hal ini, responden golongan muda dilihat mampu menulis perkataan jawi yang ditunjukkan secara rawak oleh pengkaji dengan lancar. Hal ini menunjukkan bahawa tempoh masa responden yang masih bersekolah dan baru sahaja tamat bersekolah masih mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menulis Jawi. Namun begitu, responden daripada golongan muda ini masih berasa ragu-ragu untuk menulis setiap perkataan Jawi kerana kurang keyakinan terhadap kemampuan responden dalam mengeja perkataan dalam tulisan Jawi. Responden golongan pertengahan turut menunjukkan reaksi minat dan teruja yang sama seperti responden warga emas apabila diminta untuk menulis Jawi. Namun begitu, responden daripada golongan pertengahan menghadapi sedikit kesukaran untuk menulis Jawi tanpa melihat ke arah teks berulang kali kerana sudah tidak dapat mengingat cara ejaan sesuatu perkataan itu jika dilihat sekali sahaja.

KESIMPULAN

Secara tuntas, kajian yang telah dilaksanakan ini berjaya menyuntik keyakinan berkenaan tahap penguasaan masyarakat terhadap tulisan Jawi. Dalam hal ini, kajian yang dijalankan membuktikan golongan responden yang terlibat dalam kajian menguasai tulisan Jawi dengan sangat baik. Hal ini sedikit sebanyak dapat menghakis kenyataan umum dan pandangan masyarakat yang menyatakan

bahawa golongan muda kini tidak lagi tahu menggunakan bahasa Jawi. Hal ini kerana, tahap penguasaan terhadap tulisan Jawi oleh golongan muda, pertengahan dan golongan tua masih berada pada tahap yang tinggi. Tahap penguasaan mereka yang tinggi dari segi pembacaan dan penulisan didorong oleh minat responden terhadap tulisan Jawi. Oleh itu, menjadi satu cabaran kepada pelbagai pihak seperti organisasi yang bertanggungjawab, pengkaji-pengkaji bahasa, golongan pendidik dan ibu bapa dalam memastikan tulisan Jawi ini terus dan dikekalkan kerelevanan agar tulisan Jawi yang pernah menjadi lambang identiti Melayu pada masa dahulu dapat dikembalikan.

RUJUKAN

- Aiman Sadiq Abdullah. (2019, September 15). Martabat jawi pada papan tanda. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/47227/EDISI/Pahang/Martabat-jawi-pada-papan-tanda>
- Asmah Haji Omar. (2013). *Sejarah Ringkas Bahasa Melayu*. Jabatan Muzium Malaysia.
- Burhanuddin Abdullah, Zainab Abdullah, Najmiah Omar & Zurita Mohd Yusoff . (2017). *Sejarah Tulisan Jawi dalam Pendidikan dan Dakwah di Terengganu*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Datuk M Periasamy. (2021, April). Rakyat Perlu Hayati Keindahan Aksara Jawi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-perlu-hayati-keindahan-aksara-jawi-295175>
- Fatimah binti Rajak. (2016). Permasalahan Penguasaan Pelajaran Jawi dalam Kalangan Murid Tahun Tiga. *Fakulti Pengajian Bahasa Utama*.
<http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/12598>
- Harits Asyraf Hasnan. (2019, Julai). Belia kini berumur 15 hingga 30 tahun. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belia-kini-berumur-15-hingga-30-tahun-211731>
- Malaysia Gazette. (2021 Julai, 15). Penduduk Malaysia 32.7 juta. <https://malaysiagazette.com/2021/07/15/penduduk-malaysia-32-7-juta/>
- Muhammad Lutfi bin Ahmad. (2016). Penguasaan Kemahiran Menulis Jawi Tahap Satu di Kalangan Murid Tahun Dua. *Fakulti Pengajian Bahasa Utama*. <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/12518>
- Nurhidayah Hairom. (2020, Disember). Pendirian Dong Zong berhubung isu tulisan Jawi konsisten. *Sinar Harian*.

<https://www.sinarharian.com.my/article/114071/BERITA/Nasional/Pendirian-Dong-Zong-berhubung-isu-tulisan-jawi-konsisten>

- Saiful Bahari Abdul Rahman & Mazlan bin Ibrahim. (2019). Tahap Dan Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Jawi Dikalangan Murid Tahun Enam Di Sekolah Kebangsaan Seri Duyong. *Jurnal At-Tahkim*. 9(11), 2-6. <https://attahkimjournal.com/wp-content/uploads/SAIFUL-BAHRI.pdf>
- Suhana Abd Hamid, Ahamd Marzuki Mohamad & Azman Ahman. (2016). Statistik Penguasaan Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. 1(2), 50-63. <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/download/814/150/1793>
- Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 7(2), 244-255. <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>
- Nurul Syala Abdul Latip. (2018). Daya Saing Tulisan Jawi Dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. *Jurnal Sains Insani*. 3(1), 38-45. https://www.researchgate.net/publication/326533799_Daya_Saing_Tulisan_Jawi_dan_Potensi_Kod_Jawi_Dalam_Menghadapi_Era_Globalisasi
- Badriyah Yusof & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap Generasi Muda terhadap Tulisan Jawi: Kajian Kes Pelajar Institusi Tinggi di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*. 15, 8-16. <https://fass.ubd.edu.bn/SEA/vol15/SEA-v15-SitiBadriyah-Excerani.pdf>